

# Sembilan pelajar UMS catat rekod Malaysia Book of Records

UB 4.2.2014 A4

SEPANGGAR: Seramai sembilan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencatat namadalamMalaysia Book of Record 2014 apabila menyertai Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia.

Larian selama 260jam tanpa henti mencapai lebih 2,299.42 kilometer yang dicatatkan oleh mahasiswa dan mahasiswi UMS di pintu masuk utama 1Borneo Hypermall, baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Hajah Jainab Haji Ahmad Ayid merasmikan majlis penutupan yang dianjurkan oleh Sekolah Pendidikan dan Pembangunan

Sosial dengan kerjasama Sekolah Perubatan UMS.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Penyuki Matta, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Prof Dr Ismail Ibrahim, Dekan Sekolah Perubatan Prof Dr D Kamarudin D Mudin dan pensyarah-pensyarah UMS.

Jainab berbangga dengan pencapaian mahasiswa dan mahasiswi UMS yang berjaya mengharumkan nama universiti itu sekaligus memecahkan rekod dalam Malaysia Book of Records.

"Melalui sukan, pelajar-

pelajar dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang berafaedah dan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, dengan penganjuran sedemikian akan mencungkil bakat pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga kokurikulum.

"Kita muh melahirkan generasi yang serba boleh dalam semua aspek dan mampu diangkat di peringkat global sama ada dalam bidang akademik dan juga sukan," katanya yang juga Adun Karambunai.

Jainab berharap dengan adanya aktiviti sukan ini juga boleh menarik minat

pelancong asing untuk datang ke negeri Sabah.

"Keindahan alam semulajadi dengan kekayaan flora dan fauna akan menjadi daya tarikan kepada pelancong, jadi apa salahnya melalui aktiviti penganjuran sukan dapat menarik minat pelancong untuk datang berkunjung ke negeri Sabah," katanya.

Beliau juga berharap dengan adanya kolaborasi antara UMS, KPM&HEP dan KBS akan menjadikan industri hiliran iaitu fokus kepada pelancongan menarik minat pelancong tempatan dan luar negara untuk datang berkunjung ke negeri Sabah.



JAINAB bergambar bersama sembilan mahasiswa dan mahasiswi UMS yang berjaya memecahkan rekod Larian Treadmill Berkumpulan Terjauh di Malaysia.